

MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN SPM 2021

TINGKATAN 4

PRINSIP PERAKAUNAN

KERTAS 2

2½ jam

Dua jam tiga puluh minit

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan dua soalan daripada **Bahagian B**.
3. Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.
4. Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.
5. Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Markah	
Soalan	Markah
Kertas 1 (Objektif)	
Kertas 2:	
Bahagian A	
1	
2	
3	
Bahagian B	
4	
5	
6	
Jumlah K2	
Jumlah K1 & K2	

(Kertas ini mengandungi 20 halaman bercetak)

Bahagian A

[60 markah]

Jawab **semua** soalan daripada bahagian ini

- 1 (a) Nyatakan prinsip perakaunan yang berkaitan dengan situasi yang diberikan.

	Situasi	Prinsip Perakaunan
i.	Alfiey Trading sentiasa menggunakan kaedah garis lurus bagi mengira susut nilai kenderaan perniagaan.	
ii.	Semua Aset Bukan Semasa Perniagaan Bagus direkodkan pada harga kos dan bukan pada harga pasaran.	

[2 markah]

- (b) Lengkapkan jadual berikut.

Tempoh Perakaunan	Tarikh Mula	Tarikh Akhir
1 Tahun	1 Oktober 2019	
	1 Mac 2020	31 Ogos 2020

[2 markah]

- (c) Pada 30 Jun 2020, inventori akhir Perniagaan Harmoni dinilai RM25 600 pada harga kos dan RM26 500 pada harga pasaran.

Berapakah inventori akhir yang dicatat dalam Akaun Perdagangan dan Penyata Kedudukan Kewangan pada tarikh tersebut?

Akaun Perdagangan	Penyata Kedudukan Kewangan

[2 markah]

PRINSIP PERAKAUNAN

- (d) Petikan Imbangan Duga berikut diperoleh daripada buku perniagaan Kedai Jam Wah Mahal.

Kedai Jam Wah Mahal
Imbangan Duga pada 31 Oktober 2020

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Belian	5 686	
Angkutan Keluar	230	
P	680	
Q		236
Modal		8 650

Apakah butiran yang mungkin bagi P dan Q?

[2 markah]

- (e) Nyatakan catatan bergu bagi urus niaga berikut.

Urus niaga	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
Ambilan tunai RM150 oleh pemilik perniagaan belum direkodkan dalam mana-mana buku.		

[2 markah]

PRINSIP PERAKAUNAN

- 2 Puan Rosmini merupakan pemilik **Ros Tulis Enterprise** yang menjual pelbagai alat tulis di Bandar Marang, Terengganu. Imbangan Duga perniagaan pada 30 Jun 2020 adalah seperti berikut:

Ros Tulis Enterprise		
<u>Imbangan Duga pada 30 Jun 2020</u>		
	Debit RM	Kredit RM
Kenderaan	20 500	
Alatan pejabat	7 000	
Insurans	2 450	
Sewa kedai	24 000	
Inventori pada 1 Julai 2019	15 650	
Angkutan masuk	290	
Tunai	450	
Bank	103 850	
Akaun Belum Terima	16 450	
Akaun Belum Bayar		13 330
Lengkapan kedai (kos)	24 800	
Belian dan Jualan	69 900	137 195
Pulangan	310	220
Angkutan keluar	120	
Gaji	22 900	
Modal pada 1 Julai 2019		155 765
Kadar bayaran	6 860	
Susut nilai terkumpul:		
Alatan pejabat		1 400
Kenderaan		2 050
Lengkapan kedai		4 960
Peruntukan hutang ragu		610
	315 530	315 530

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 30 Jun 2020 bernilai RM15 880 pada harga pasaran dan RM19 250 pada harga kos
- (ii) Belian tunai RM200 belum direkodkan
- (iii) Gaji belum bayar RM400
- (iv) Angkutan masuk RM40 tersalah rekod dalam angkutan keluar
- (v) Kadar bayaran yang dibayar termasuk kadar bayaran rumah kediaman keluarga pemilik RM860

PRINSIP PERAKAUNAN

- (vi) Hutang lapuk RM450
- (vii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 3% atas Akaun Belum Terima bersih
- (viii) Aset bukan semasa disusutnilaikan seperti berikut:
 - Kenderaan - 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan
 - Lengkapan kedai dan alatan pejabat - 20% setahun atas kos

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020
[15 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2020 (Tunjukkan modal kerja)
[10 markah]

PRINSIP PERAKAUNAN

- 3 Encik Abdul Bahij memulakan perniagaan Bahij Sport yang beroperasi sebagai pembekal barangan sukan di Bandar Kerteh. Pada 1 Januari 2019, beliau memasukkan tunai ke bank sebanyak RM19 500 dan RM500 disimpan di pejabat untuk kegunaan harian perniagaannya. Dokumen di bawah adalah berkait dengan urus niaga yang berlaku.

ASAL	EZAH ENTERPRISE No. 77 Mezzanine Floor Jalan Tuanku Abdul Rahman 50100 Kuala Lumpur Tel.: 03-26937161	No.: 1802	INVOIS
Kepada Bahij Sport 3766 Jalan Seroja 24300 Kerteh			Tarikh: 2 Jan 2019
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit RM	Jumlah RM
20 pasang	Baju bola sepak	80.00	1 600.00
50 biji	Bola sepak	30.00	1 500.00
10 set	Jaring bola sepak	200.00	2 000.00
20 pasang	Stoking	20.00	400.00
			5 500.00
Tolak : Diskaun niaga 20%			1 100.00
Jumlah			4 400.00

(Ringgit: Empat ribu empat ratus sahaja)

Syarat: 10 % 5 hari, 5% 10 hari
Angkutan dibayar
K. & K. DiK.

Abahij
Penerima

Norezzah
Pengurus

DOKUMEN 1

BAHIJ SPORT 3766 Jalan Seroja 24300 Kerteh Tel.: 09-8624422	Tarikh: 4 Jan 2019
<div style="border: 1px solid black; padding: 10px; margin: 10px auto; width: 80%;"> <p>Peringatan:</p> <p><i>Pemilik membawa masuk tunai peribadi ke bank RM6 000 untuk kegunaan perniagaan.</i></p> </div>	

DOKUMEN 2

PRINSIP PERAKAUNAN

NOTA KREDIT		EZAH ENTERPRISE No. 77 Mezzanine Floor Jalan Tuanku Abdul Rahman 50100 Kuala Lumpur Tel.: 03-26937161		NK: 0111
Kepada		Tarikh: 5 Jan 2019		
BAHIJ SPORT 3766 Jalan Seroja 24300 Kerteh Tel.: 09-8624422				
Akaun tuan telah dikreditkan dengan perkara berikut:				
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)	
5 biji	Bola sepak	30.00	150.00	
Tolak: Diskaun niaga 20%			30.00	
Jumlah			120.00	
(Barang dipulangkan kerana silap jenama) (Ringgit: Seratus dua puluh sahaja)				

Syarat: 10 % 5 hari, 5 % 10 hari
Angkutan dibayar
K. & K. DiK.

DOKUMEN 3

Norezzah
Pengurus

SALINAN		BAHIJ SPORT 3766 Jalan Seroja 24300 Kerteh Tel.: 09-8624422		No.: 2361
Kepada Kelab Setia 49 Taman Permai 21060 Gong Badak Kuala Terengganu		INVOIS		
		Tarikh: 6 Jan 2019		
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)	
1 pasang	Baju bola sepak	100.00	100.00	
20 biji	Bola sepak	50.00	1 000.00	
1 set	Jaring bola sepak	250.00	250.00	
10 pasang	Stoking	30.00	300.00	
Tolak: Diskaun niaga 10%			1 650.00	
Jumlah			1 485.00	
(Ringgit: Seribu empat ratus lapan puluh lima sahaja)				
<p>Syarat: 5 % 5 hari, 2 % 10 hari Angkutan dibayar K. & K. DiK.</p>		<p><i>Salihin</i> Penerima</p>	<p><i>Albahij</i> Pengurus</p>	

DOKUMEN 4

PRINSIP PERAKAUNAN

SALINAN	BAHIJ SPORT	No.: 0840
	3766 Jalan Seroja 24300 Kerteh Tel.: 09-8624422	Tarikh: 13 Jan 2019
RESIT RASMI		
Terima daripada	: <i>Kelab Setia</i>	
Ringgit	: <i>Empat ribu empat ratus lima puluh lima sahaja.</i>	
Bayaran untuk	: <i>Menjelaskan invois no. 2361.(Diskaun tunai RM30.00)</i>	
RM1 455.00		
Tunai /No. Cek:	CIMB 234033	<i>Abahij</i> Pengurus

DOKUMEN 5

ASAL	EZAH ENTERPRISE	No.: ND0341	
	No. 77 Mezzanine Floor Jalan Tuanku Abdul Rahman 50100 Kuala Lumpur Tel.: 03-26937161		
Kepada Bahij Sport 3766 Jalan Seroja 24300 Kerteh	NOTA DEBIT	Tarikh: 17 Jan 2019	
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
10 biji	Bola sepak (Tertinggal catat dalam invois no.1802) Tolak: Diskaun niaga 20%	30.00	300.00
	Jumlah		60.00
			240.00
(Ringgit: Dua ratus empat puluh sahaja)			
Syarat: 10 % 5 hari, 5 % 10 hari Angkutan dibayar K. & K. DiK.		<i>Abahij</i> Penerima	<i>Norezzah</i> Pengurus

DOKUMEN 6

PRINSIP PERAKAUNAN

Tarikh	: 18 Jan 2019
Penerima	: Ezah Enterprise
Kerana	: Menjelaskan sebahagian hutang

	Ringgit	Sen
Baki akhir	30 300	00
Dimasukkan	-	-
Jumlah	30 300	00
Cek ini	5 270	00
Baki	25 030	00

No.: 500871

KERATAN CEK

DOKUMEN 7

SALINAN	BAHIJ SPORT 3766 Jalan Seroja 24300 Kerteh Tel.: 09-8624422	BT: 0693	
Kepada Nur Balqis	BIL TUNAI	Tarikh: 21 Jan 2019	
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
2 pasang	Baju bola sepak	100.00	200.00
2 pasang	Stoking	30.00	60.00
2 biji	Bola sepak	50.00	100.00
			360.00

(Ringgit: Tujuh ratus enam puluh sahaja)

RM360.00
Tunai/No. Cek:

Abahij
Pengurus

DOKUMEN 8

SALINAN		BAHIJ SPORT		No.: 2362
		3766 Jalan Seroja 24300 Kerteh Tel.: 09-8624422		
Kepada Purnama Trading 124 Kampung Rhu Tapai Merang 21010 Setiu Terengganu		INVOIS		Tarikh: 23 Jan 2019
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)	
10 pasang	Baju bola sepak	100.00	1 000.00	
10 pasang	Stoking	30.00	300.00	
Tolak: Diskaun niaga 10%			1 300.00	
			130.00	
Jumlah			1 170.00	

(Ringgit: Seribu seratus tujuh puluh sahaja)

Syarat: 5 % 5 hari, 2 % 10 hari
Angkutan dibayar
K. & K. DiK.

Stanley
Penerima

Abahij
Pengurus

DOKUMEN 9

BAHIJ SPORT		Tarikh: 26 Jan 2019
3766 Jalan Seroja 24300 Kerteh		
MEMO		
Peringatan:		
Pemilik mengambil 5 pasang baju bola sepak RM400.00 untuk didermakan kepada Rumah Anak Yatim Darul Insaf.		
		<i>Abahij</i> Pengurus

DOKUMEN 10

PRINSIP PERAKAUNAN

SALINAN	BAHIJ SPORT 3766 Jalan Seroja 24300 Kerteh Tel.: 09-8624422	NK: 0198	
Kepada Purnama Trading 124 Kampung Rhu Tapai Merang 21010 Setiu Terengganu	<div style="border: 2px solid black; padding: 5px; display: inline-block;">NOTA KREDIT</div>	Tarikh: 28 Jan 2019	
Akaun tuan telah dikreditkan dengan perkara berikut:			
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
2 pasang	Baju bola sepak	100.00	200.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			20.00
Jumlah			180.00
<small>(Barang dipulangkan kerana silap jenama) (Ringgit: Seratus lapan puluh sahaja)</small>			
<small>Syarat: 10 % 5 hari, 5 % 10 hari Angkutan dibayar K. & K. DiK.</small>			
			<i>Abahij</i> Pengurus

www.banksoalanspm.com

DOKUMEN 11

	BAHIJ SPORT 3766 Jalan Seroja 24300 Kerteh Tel.: 09-8624422	No.: 0375/09	
Kepada Tenaga Nasional Berhad	<div style="border: 2px solid black; padding: 5px; display: inline-block;">BAUCER PEMBAYARAN</div>	Tarikh: 30 Jan 2019	
Bil.	Keterangan	No. Cek	Jumlah (RM)
1.	Bil elektrik bulan Jan 2019	Tunai	185.00
Jumlah			185.00
<small>(Ringgit: Satu ratus lapan puluh lima sahaja)</small>			
			Diluluskan oleh: <i>Abahij</i> Pengurus

DOKUMEN 12

PRINSIP PERAKAUNAN

ASAL	PERMINT JAYA Lot 4A, Bangunan PMINT 24300 Kerteh Tel.: 09-8624422	No.: 0839				
		Tarikh: 30 Jan 2019				
RESIT RASMI						
Terima daripada	: <i>Bahij Sport</i>	-----				
Ringgit	: <i>Enam ratus enam puluh sahaja.</i>	-----				
Bayaran untuk	: <i>Sewa</i>	-----				
<table border="1" style="margin: auto;"><tr><td colspan="2" style="text-align: center;">RM660.00</td></tr><tr><td style="text-align: center;">Tunai /No. Cek:</td><td style="text-align: center;">CBMB 280013</td></tr></table>			RM660.00		Tunai /No. Cek:	CBMB 280013
RM660.00						
Tunai /No. Cek:	CBMB 280013					
		<i>Abahij</i> Pengurus				

DOKUMEN 13

Berdasarkan dokumen perniagaan yang diberi **anda dikehendaki** menyediakan catatan dalam buku-buku catatan pertama berikut:

- | | |
|----------------------------|-------------|
| (a) Jurnal Am | [5 markah] |
| (b) Jurnal Belian | [3 markah] |
| (c) Jurnal Jualan | [3 markah] |
| (d) Jurnal Pulangan Belian | [2 markah] |
| (e) Jurnal Pulangan Jualan | [2 markah] |
| (f) Buku Tunai | [10 markah] |

PRINSIP PERAKAUNAN

Bahagian B
[40 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini

- 4 (a) Berikut merupakan Penyata Kedudukan Kewangan yang disediakan oleh Perniagaan ABAH pada 31 Mei 2020:

Perniagaan ABAH			
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2020			
	RM		RM
Lengkapan	45 000	Modal	X
Inventori	32 000	Akaun Belum Bayar	3 450
Akaun Belum Terima	4 150		
Bank	18 300		
Tunai	650		

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Jun 2020:

- (i) Belian barang niaga secara kredit RM4 000.
- (ii) Bayar gaji dengan cek RM900.
- (iii) 15% daripada inventori dijual pada harga RM5 800 secara kredit.
- (iv) Menerima cek daripada Akaun Belum Terima RM1000.
- (v) Tunai RM110 diambil untuk bayaran perubatan anaknya.
- (vi) Terima komisen jualan sebanyak RM350 secara tunai dan telah dibankkan.

Anda dikehendaki melengkapkan jadual persamaan perakaunan di Lampiran 1.

[8 markah]

PRINSIP PERAKAUNAN

- 4 (b) Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Tudung Murni pada bulan September 2020.

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol	Debit	Kredit
2020				RM
Sep 1	Bank	BT1	30 000	
	Perabot	LA2	5 500	
	Akaun Belum Terima: Perniagaan Anas	LJ1	2 700	
	Akaun Belum Bayar: Pembekal Fizah	LB1		3 350
	Modal	LA1		34 850
	(Aset, liabiliti dan ekuiti pemilik pada tarikh ini)		38 200	38 200
13	Ambilan Belian	LA3	250	
	(Ambilan barang niaga untuk kegunaan peribadi)	LA4		250

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	Fol	No. Dokumen	Jumlah
2020				RM
Sep 9	Pembekal Fizah	LB1	INV3221	2 080
18	Pembekal Alan	LB2	INV2579	3 440
25	Pembekal Fizah	LB1	INV3235	1 880
30	Akaun Belian (dt)	LA4		7 400

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	Fol	No. Dokumen	Jumlah
2020				RM
Sep 21	Pembekal Alan	LB2	NK1442	160
30	Akaun Pulangan Belian (kt)	LA5		160

Anda dikehendaki memindahkan catatan daripada Buku Catatan Pertama ke dalam lejar tanpa mengimbangkannya.

[12 markah]

PRINSIP PERAKAUNAN

- 5 (a) Baki-baki berikut diambil daripada rekod perakaunan Galeri Kasut Atiqah pada 1 Oktober 2020:

	RM
Bank	18 500
Tunai	3 200
Tunai runcit	36

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Oktober 2020:

Okt		RM
1	Menerima cek daripada ketua juruwang untuk rekupmen tunai runcit	164
3	Bayar hutang kepada Ferhat Trading dengan cek	3 400
	Beli 1 rim kertas A4	12
4	Jualan tunai	2 500
5	Beli barang niaga secara kredit daripada Ibo Enterprise	3 670
12	Beli bunga hiasan pejabat	80
13	Tunai dibankkan	4 000
14	Beli buku lejar dan pen	25
18	Ambilan barang niaga untuk tujuan promosi	640
22	Jualan barang niaga secara kredit kepada Kedai Liana	2 400
25	Beli plastik sampah	15

Rekodkan urus niaga di atas dalam Buku Catatan Pertama yang berikut:

- (i) Buku Tunai pada **Lampiran 2**

[6 markah]

- (ii) Buku Tunai Runcit pada **Lampiran 3** (dengan menunjukkan lajur alat tulis dan belanja pejabat)

[7 markah]

PRINSIP PERAKAUNAN

- 5 (b) Maklumat berikut diambil dari buku-buku perniagaan Ferhat Aslan Enterprise pada 1 Oktober 2020:

	RM
Baki debit Lejar Belian	500
Baki kredit Lejar Belian	3 400
Baki debit Lejar Jualan	5 320
Baki kredit Lejar Jualan	610

Sepanjang bulan Oktober 2020, urusan niaga berikut telah berlaku:

	RM
Belian tunai	15 280
Jualan tunai	17 500
Belian kredit	18 120
Jualan kredit	20 780
Pembayaran kepada pembekal	15 789
Penerimaan daripada pelanggan (termasuk hutang lapuk pulih RM500)	11 350
Pindahan baki daripada Lejar Jualan ke Lejar Belian	4 600
Diskaun diterima	455
Pulangan keluar	270
Pulangan masuk	330
Peruntukan hutang ragu	841

Pada 1 November 2020, baki- baki berikut diperolehi:

Baki debit dalam Lejar Belian	295
Baki kredit dalam Lejar Jualan	480

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Kawalan Belum Terima.

[7 markah]

PRINSIP PERAKAUNAN

- 6 (a) Kelaskan akaun-akaun berikut mengikut kumpulan akaun yang betul.

	Akaun	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik	Hasil	Belanja
	Kenderaan	/				
i	Angkutan keluar					
ii	Inventori					
iii	Akaun Belum Bayar					
iv	Duti import					
v	Diskaun diterima					
vi	Pelaburan					
vii	Modal					
viii	Faedah simpanan					
ix	Alat tulis					
x	Pinjaman					

[10 markah]

- (b) Urus niaga berikut diambil daripada perniagaan WS Teguh yang menjalankan perniagaan barangan elektrik.
- (i) Membawa masuk kenderaan peribadi RM45 000 untuk kegunaan perniagaan.
 - (ii) Membeli rak pameran RM3 000 secara kredit daripada Perabot Chung.
 - (iii) Menjual kelengkapan terpakai RM1 500 secara kredit kepada Restoran Hamza .
 - (iv) Mengambil sebuah periuk elektrik bernilai RM450 untuk kegunaan rumah kediaman.
 - (v) Menderma 5 buah kipas bernilai RM520 kepada Rumah Anak Yatim Husna.

Anda dikehendaki mencatat urus niaga tersebut ke dalam jurnal am.
(Keterangan tidak diperlukan)

[10 markah]
Dapatkan Skema di
www.banksoalanspm.com

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

PRINSIP PERAKAUNAN

Lampiran 1

	Kelengkapan (RM)	Inventori (RM)	Akaun Belum Terima (RM)	Bank (RM)	Tunai (RM)	Akaun Belum Bayar (RM)	Modal (RM)	Untung Bersih (RM)	Ambilan (RM)
Baki	45 000	32 000	4 150	18 300	650	3 450			
(i)									
(ii)									
(iii)									
(iv)									
(v)									
(vi)									
Jumlah									

Lampiran 2 ○

TARIKH	BUKU TUNAI						BANK	TUNAI	DISK	TUNAI	BANK
	BUTIRAN	DISK	TUNAI	BANK	TARIKH	BUTIRAN					

Lampiran 3

BUKU TUNAI RUNCIT

TARIKH	BUTIRAN	PENERIMAAN (RM)	PEMBAYARAN (RM)	ANALISIS PEMBAYARAN	
				ALAT TULIS	BELANJA PEJABAT